



IKLAN JAWATAN KOSONG PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pembantu Keselamatan
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Pertahanan Awam (K)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM
- (f) Gred : KP19
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
KP19	1,360.00	4,052.00	100.00

Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 115.00
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Lantikan Ke Gred KP19 :

: (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Gaji permulaan : Gred KP19: RM1,360.00

ATAU

: (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

Gaji permulaan : Gred KP19: RM1,360.00

ATAU

: (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan : Gred KP19: RM1,416.40

ATAU

: (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan : Gred KP19: RM1,472.80

DAN

Syarat Lantikan Tambahan

: Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Syarat Bahasa Melayu

: Calon bagi lantikan dengan kelayakan 3.1(c)(i) atau 3.1(c)(iii) atau 3.1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawal Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Universiti untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perkara 3.1(c)(i); atau 3.1(c)(ii); atau 3.1(c)(iii); atau 3.1(c)(iv) atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas

: **Umum**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset Universiti melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan warga Universiti termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di Universiti.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR

